

# Hampir 700 sesi Mahkamah Syariah dijalankan sejak 2 Jun

[beritaharian.sg/setempat/hampir-700-sesi-mahkamah-syariah-dijalankan-sejak-2-jun](https://beritaharian.sg/setempat/hampir-700-sesi-mahkamah-syariah-dijalankan-sejak-2-jun)

July 2, 2020



HAMPIR 700 sesi mahkamah dijalankan dalam tempoh empat minggu pertama penyambungan semula Mahkamah Syariah pada 2 Jun lalu, sejajar dengan fasa pertama pembukaan semula Singapura selepas pemutus rantai jangkitan (CB) bagi mengekang penularan Covid-19.

Sesi itu dikendalikan sama ada di mahkamah ataupun dari jarak jauh melalui teknologi komunikasi.

Kes yang dijadual semula disebabkan CB kini didengar secara berperingkat, menurut kenyataan Kementerian Kebudayaan, Masyarakat dan Belia (MCCY).

Akta Covid-19 (Langkah Sementara) membolehkan prosiding Mahkamah Syariah dijalankan dengan menggunakan teknologi komunikasi jarak jauh, serupa dengan mahkamah sivil dan jenayah.

Bulan lalu, sekitar 65 peratus perbicaraan dan persidangan sebelum perbicaraan Mahkamah Syariah dijalankan sama ada sebahagiannya ataupun sepenuhnya menggunakan alat komunikasi jarak jauh seperti WebEx.

Pengguna mahkamah menerima dengan baik perubahan itu bagi mempermudah prosiding melalui teknologi komunikasi jarak jauh.

Peguam yang mewakili klien dalam sesi mahkamah yang diadakan melalui WebEx berkata ia dijalankan dalam cara yang berkesan dan mudah.

Pada masa sama, Mahkamah Syariah telah mendigitalkan perkhidmatan dan transaksi utamanya.

Selain meningkatkan kemudahan bagi pengguna mahkamah, ia juga membantu menjaga keselamatan pengguna mahkamah semasa pandemik Covid-19 dengan membolehkan mereka melakukan transaksi tanpa perlu ke mahkamah secara fizikal.

Usaha itu mengurangkan bilangan orang yang ke premis Mahkamah Syariah sebanyak 50 peratus.

Bagi janji temu dan perkhidmatan yang perlu terus dijalankan di Mahkamah Syariah, pihak mahkamah berkata ia memastikan langkah jarak selamat dipatuhi dan akan membuat penyesuaian terhadap perkhidmatan sewajarnya.

"Permulaan semula Mahkamah Syariah dirancang dengan teliti bagi memastikan perkhidmatan dapat disampaikan dengan selamat dan bertanggungjawab oleh kakitangan dan pengguna mahkamah. Penggunaan teknologi membolehkan ini dilakukan," kata Presiden Kanan Mahkamah Syariah, Encik Alfian Kuchit.

## Video Baru

---

Amrin Amin mengenai AI

Hasrat wujud budaya wakaf di sini mampu segera...


Jadi 'tauke' udang... cara sumbang...

The BM Show 2 Ep 8: Cabaran dan kemajuan wanita...

Previu The BM Show 2 Ep 8: Cabaran dan kemajuan...

[+ Video lain](#)





## Podcast Baru

---

Dec 15th, 2020



## Rumah tak nak kalah, gaji kata 'boleh blah'!

---

Dec 15th, 2020



## #wishforrayyan (Bhgn 2): Pernah alami peritnya kehilangan anak

---

Dec 15th, 2020



## #wishforrayyan (Bhgn 1): Perlu \$3 juta untuk selamatkan nyawa anak

---

Dec 10th, 2020



## Kelas agama virtual kurang barakah?

---

Dec 8th, 2020



## "Murid saya tanya... Ustazah kenapa kita mesti makan makanan halal?"

---

Dec 8th, 2020



## "Beli rumah, jangan ikut emosi..."

---

[+ Podcast lain](#)